

**PERGERAKAN MIGRASI ORANG INDIA KE SABAH 1882-1969:
PERTAMBAHAN POPULASI DAN PEMBENTUKAN IDENTITI
ORANG INDIA DI SABAH**

*Migration Movement of Indian People to Sabah 1882-1969: Growth of
Population and Development of Indian Identities in Sabah*

**Josrin Masandal¹
Md Saffie Abdul Rahim²
Mohammad Sham Mohammad³
Mohd Hishamuddin Amid⁴**

^{1,2,3&4}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

*Corresponding author: pie@ums.edu.my

Dihantar: 14 April 2025 / Penambahbaikan: 20 Julai 2025

Diterima: 1 November 2025 / Terbit: 31 Disember 2025

Abstrak

Migrasi merupakan salah satu pergerakan sosial manusia sejak sekian lama bermula daripada konteks pra sejarah sehingga ke hari. Memperlihatkan aktiviti sosial ini adalah sebahagian atau menjadi sifat normal manusia. dalam penelitian sejarah Sabah melalui era pentadbiran BNBC, terlihat bahawa sudah berlaku migrasi masyarakat luar bergerak masuk ke negeri Sabah. Antara kaum yang melakukan migrasi ke negeri ini ialah kaum Cina, Jawa dan orang-orang Eropah. Orang India juga tidak terkecuali dalam menjadi satu masyarakat yang turut melakukan Migrasi ke wilayah lain dan Sabah di era pentadbiran BNBC adalah antara wilayah yang menjadi salah satu tumpuan migrasi masyarakat ini. Antara sebab bagi orang-orang India bermigrasi ke Sabah ialah disebabkan pengaruh politik pentadbiran BNBC dan beberapa sebab lain. Menenalpasti penyebab migrasi orang-orang India ke Sabah adalah antara satu objektif penulisan, yang menjelaskan soal faktor-faktor migrasi. Bagi mengetahui dan menjelaskan soal fakta berkenaan orang India bermigrasi ke Sabah. Metodologi yang diguna pakai ialah pendekatan kualitatif melalui konteks disiplin sejarah bersifat rasional-empirikal. Ia melibatkan kaedah penelitian terhadap sumber sejarah bersifat Primer dan sekunder iaitu meneliti sumber dalam Arkib Negeri Sabah dan simpanan peribadi individu dan persatuan terlibat, manakala sumber sekunder adalah berkaitan dengan simpanan

kepastakaan seperti terbitan artikel dan buku. Didapati bahawa orang-orang India sudah bermigrasi ke Sabah bermula pada akhir abad ke 19 iaitu tahun 1881 atau 1882 adalah menunjukkan rekod awal orang-orang sudah berada di Sabah era pentadbiran BNBC. Kaum Sikh merupakan orang India yang terawal dan banyak bermigrasi ke Sabah dan bekerja dengan pihak BNBC sebagai pasukan Polis Konstabulari. Dan pergerakan migrasi orang India terus berlangsung selepas Sabah mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia.

Kata Kunci : Migrasi, India, Sabah, Faktor

Abstract

Migration has been one of the human social movements for a long time, starting from the prehistoric context to the present day. This social activity shows that migration is part of or a normal characteristic of human nature. In the historical study of Sabah through the administration of the BNBC, it is evident that migration of people from outside had already occurred into Sabah. Among the groups that migrated to this state were the Chinese, Javanese, and Europeans. Indians were also not exempt from being one of the communities that migrated to other regions, and Sabah during the BNBC administration was one of the regions that attracted these migrants. One of the reasons for the migration of Indians to Sabah was due to the political influence of the BNBC administration and several other factors. Identifying the causes of Indian migration to Sabah is one of the objectives of this writing, which explains the facts about the migration of Indians to Sabah. The methodology used is a qualitative approach within the historical discipline context, which is rational-empirical in nature. This involves the examination of primary and secondary historical sources, including studying sources in the Sabah State Archives and personal collections of individuals and associations involved. The secondary sources include published materials such as articles and books. It was found that Indians began migrating to Sabah in the late 19th century, specifically in 1881 or 1882, marking the earliest records of Indians being present in Sabah during the BNBC administration. The Sikh community was among the earliest Indians to migrate and work with the BNBC as the Constabulary Police, and the migration of Indians continued after Sabah achieved independence through the formation of Malaysia.

Keywords : Migration, Sabah, India, Factor

Pengenalan

Sabah merupakan salah satu daripada negeri atau wilayah yang terdapat dalam negara Malaysia. Sabah mencapai status kemerdekaannya daripada pihak British melalui pembentukan negara Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Dalam pembentukan tersebut negeri Sabah sudah diduduki oleh pelbagai masyarakat yang hidup dengan percampuran antara masyarakatnya dan ini sudah berlangsung sejak sebelum zaman kesultanan Brunei dan Sulu di Sabah. Kehidupan bermasyarakat berbagai suku dan kaum ini turut berlaku pada zaman pentadbiran BNBC dan British di Sabah sehinggalah ke hari ini. Terlihat dalam kehidupan yang berbagai kaum dan suku boleh terlihat kepada tiga fasa pertama ialah kehidupan zaman Kuno dan klasik (zaman dua kesultanan) bagi zaman Kuno masyarakatnya terdiri daripada kaum yang pribumi Sabah dan dikategorikan kepada tiga rumpun besar iaitu Dusunic, Murutic dan Paitanic ketiga rumpun besar ini hidup dalam lingkungan kawasa pantai barat Sabah, Pantai Timur Sabah dan bahagian Pedalaman seperti kaum Murut dan seiringan dengannya seperti kaum Dusun dan lain-lain. Manakala bagi masyarakat pantai timur ia lebih sinonim dengan rumpun Paitanic yang terdiri daripada kaum atau suku Idahan, Sungai, suluk, dan Bajau. Bahagian Pantai Barat Sabah antara kaum terlibat ialah kaum Dusun, Rungus, Brunei, dan seiringan dengan ketiga kaum tersebut.

Pada fasa kedua di zaman pentadbiran BNBC dan British masyarakat di Sabah telah mula bertambah dengan kehadiran beberapa kaum daripada luar yang datang bermigrasi ke Sabah sekaligus menambahkan jumlah dan bilangan yang sedia ada di dalam negeri Sabah pada ketika itu. Antara kaum yang datang bermigrasi ke Sabah dan dibawa masuk oleh pihak BNBC ialah kaum atau masyarakat Cina, Eropah, India, Bugis dan Jawa. Tetapi bagi masyarakat Eropah keberadaan mereka di Sabah tidak terlalu lama sehingga menjadi penduduk tetap di negeri Sabah melainkan hanya berada di Sabah sekadar untuk bekerja dengan pihak BNBC serta British dan kemudiannya kembali semula ke tempat asal apabila Sabah merdeka melalui pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Tidak seperti kaum Cina, India, Bugis dan Jawa kedatangan mereka adalah kekal terus menetap di Sabah menjadi sebahagian warganegara Malaysia sebagai rakyat Sabah walaupun ada sebahagian daripada masyarakat ini kembali ke tempat asal mereka seperti yang dilakukan oleh kaum India. Fasa ketiga pembentukan masyarakat di Sabah tidak jauh berbeza dengan masyarakat yang ada pada zaman pentadbiran

BNBC dan British, pada fasa ini ialah adalah sebuah masyarakat yang ada pada zaman tahun 1963 dan ke atas (Sabah dalam Malaysia), masyarakat yang ada hanya diwarisi dari zaman sebelum kemerdekaan Sabah. Telah dinyatakan bahawa masyarakat India adalah antara kaum yang datang bermigrasi ke Sabah semasa era pentadbiran BNBC di Sabah, masyarakat ini kehadiran mereka telah dikesan sejak awal mula pentadbiran BNBC di Sabah iaitu pada tahun 1882.

Masyarakat India yang berada di Sabah tergolong dalam beberapa kaum iaitu Orang Sikh, Tamil, dan Pathan, masyarakat India telah datang ke Sabah dari tahun 1882 hingga 1969 migrasi mereka terdiri daripada dua peringkat pertama adalah tahun sebelum 1963 (zaman BNBC) dan selepas tahun 1963 (Azharudin Mohd Dali, 2012). Bagi masyarakat India yang datang bermigrasi ke Sabah pada tahun sebelum 1963 iaitu zaman BNBC tidak semua dari kalangan mereka terus menetap menjadi rakyat Sabah berwarganegara Malaysia ada juga dikalangan mereka mengambil keputusan untuk kembali ke tempat asal iaitu Tanah Besar India (Ibid, Azharudin Mohd Dali). Manakala dari kalangan masyarakat India yang terus mengekalkan diri di Sabah telah diambil menjadi rakyat Sabah berwarganegara Malaysia dan ini telah memberikan kesan kepada pertambahan penduduk dan bilangan kaum di negeri Sabah itu sendiri. Masyarakat India yang bermigrasi ke Sabah telah didorong dengan beberapa faktor antaranya ialah faktor Ekonomi, Sosial dan Politik (Barvin Banu, 2015) dan ini adalah antara faktor-faktor migrasi yang sering dijelaskan oleh penulis-penulis yang menjelaskan soal faktor migrasi sesebuah masyarakat yang bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain (hendak dituju). Migrasi masyarakat India ke Sabah telah membentuk cara hidup sosial mereka yang tersendiri sekaligus ada pembentuk identiti mereka di Sabah. Dan soal faktor migrasi, kehidupan masyarakat India di Sabah sebelum dan selepas tahun 1963 akan dijelaskan melalui penulisan ini selain dijelaskan juga cara pengenalan masyarakat India di Sabah.

Metodologi

Dalam kajian penulisan ini keadah dan metod yang digunapakai ialah kaaedah kualitatif. Menerusi kaedah ini penelitian terhadap dua sumber sejarah iaitu sumber primer dan Sekunder dalam mendapatkan data atau informasi diperlukan dalam menulis hasil kajian. Kedua sumber sejarah dari sudut ini adalah meneliti dokumen yang terdapat dalam arkib, simpanan peribadi informan yang ditemubual dan penelitian

terhadap artikel dan buku yang terdapat dalam simpanan kepustakaan dan rangkaian laman web yang berkaitan dengan kajian, manakala bagi artikel juga dirujuk kepada simpanan dalam atas talian (online web). Selain itu digunakan juga kaedah temubual bagi mengisi tambahan kepada kajian yang sukar diperolehi melalui rekod penulisan buku, artikel dan simpanan arkib. Penggunaan kaedah temubual tertakluk kepada sumber lisan dalam pengajian sejarah akan menjadi salah satu sumber primer sejarah tertakluk kepada temubual terhadap informan yang ditemui dan direkodkan hasil perbicaraannya. Dalam kajian ini pengkaji telah berjumpa dan menemubual orang India Sabah yang mempunyai cerita diperturunkan oleh ibubapa dan setiap informan adalah dari kalangan orang India yang berusia 60 tahun ke atas bahkan ada dari kalangan mereka sempat hidup di zaman sebelum tahun 1963 seperti Datuk Balwant Singh Kler.

Dapatan Kajian

Dalam dapatan kajian mendapati bahawa masyarakat India telah mula bermigrasi ke Sabah yang bermula pada tahun 1882 dan terus berlangsung sehingga Sabah mencapai kemerdekaan. Antara masyarakat India yang ada di Sabah sejak dari era BNBC ialah terdiri daripada orang Sikh/Singh, Tamil dan Pathan. Kedatangan mereka adalah bagi mengisi peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh pihak BNBC seperti pekerjaan di jabatan awam dan perladangan, namun masyarakat India di Sabah kebanyakannya bekerja sebagai penjawat awam melalui pentadbiran BNBC khususnya dalam Pasukan Polis Konstabulari. Antara penyebab atau faktor kedatangan masyarakat India ke Sabah adalah disebabkan kepada faktor Politik iaitu melibatkan urusan tadbir pihak BNBC yang mahukan masyarakat India diambil bagi berkhidmat dalam jabatan pengurusan yang melibatkan urusan keselamatan. Kedua ialah peluang pekerjaan (faktor ekonomi) iaitu tawarkan pekerjaan yang diwujudkan oleh pihak BNBC di Sabah dan kurang peluang pekerjaan di Tanah besar India (Kernial Singh Sandhu 1969; Mohd Isa Othman, 2002). Ketiga ialah faktor sosial iaitu saranan dan galakkan daripada masyarakat India yang berada di Sabah untuk memberikan dana kepada ahli keluarga mereka yang berada di India untuk datang ke Sabah dan ini dikenali sebagai Chain Migration (Barvin Banu, 2015).

Selain itu dalam faktor sosial juga memperlihatkan bahawa keadaan kehidupan yang berada di India juga memaksa sebahagian

masyarakat India bermigrasi keluar dari Tanah Besar India seperti berlaku masalah sosial iaitu penindasan tuan tanah kepada masyarakat India yang bekerja dengan mereka iaitu hutang yang dibayar hampir seumur hidup dan ianya diwarisi hingga ke anak, berikutan dengan hal demikian ada di kalangan mereka melarikan diri dari masalah sosial tersebut yang seterusnya memacu migrasi masyarakat India keluar dari tanah air (Kernial Singh Sandhu, 1969). Masyarakat India yang berada di Sabah mempunyai pengenalan dan identiti sosial mereka di Sabah iaitu dikenali dengan panggilan Singh bagi orang Sikh, Keling bagi orang Tamil. Mereka juga sinonim dengan gelaran kepolisan semasa era BNBC kerana kebanyakan daripada diambil untuk bekerja sebagai pasukan Polis Konstabulari di Sabah (orang singh paling banyak diambil) dan panggilan Jemadar bagi mereka yang bertugas (Azharudin Mohd Dali, 2012; Sarjit S Gill; 2007). Di fasa selepas tahun 1963 masyarakat India pula lebih mudah terkenal dengan gelaran kesukanan kerana keaktifan mereka dalam sukan sehingga menjadi wakil Malaysia bertanding ke peringkat antarabangsa seperti sukan olimpik 1964 oleh Dilbagh Singh Kler dan mendiang Datuk Gurbakh Singh Kler diangkat sebagai Bapa Sukan negeri Sabah.

Isi Perbincangan

Pengenalan Terhadap Masyarakat India di Sabah

Sebelum mengulas lebih lanjut berkenaan faktor dan proses kedatangan masyarakat India ke Sabah adalah terlebih dahulu dijelaskan tahun kedatangan awal masyarakat India ke Sabah. Masyarakat Ini dipercayai kedatangan dan kehadiran mereka ke Sabah adalah pada tahun 1882 dan seterusnya diikuti dengan tahun-tahun berikutnya sepanjang pentadbiran BNBC di Sabah. Antara masyarakat India yang terawal datang ke Sabah adalah dari kalangan orang Sikh (orang Punjab) dan dikatakan jumlah terawal yang datang masuk adalah dari wilayah Semenanjung Tanah Melayu bertepat dari negeri Perak dipimpin oleh Hugh Low dan seramai 50 orang. Kemudian diikuti oleh masyarakat India yang lain seperti orang Pathan dan Tamil di Sabah, golongan kaum ini adalah antara masyarakat India yang datang dan menghiasi pertambahan kaum di Sabah era BNBC hingga ke hari ini (Azharudin Mohd Dali 2012). Dalam konteks awal sejarah migrasi masyarakat India ke Sabah orang Sikh adalah yang majoriti datang ke Sabah berbanding dengan dua kaum India tersebut iaitu orang Tamil dan Pathan.

Faktor dan Proses Kedatangan Masyarakat India ke Sabah

Seperti dijelaskan sebelum ini masyarakat India yang bermigrasi ke Sabah mempunyai proses dan faktor yang mendorong kepada penghijrahan mereka daripada Tanah besar India ke Sabah pada abad ke 19 dan abad ke 20. Antara faktor yang membuatkan masyarakat India bermigrasi ke Sabah ialah faktor Politik, Ekonomi dan Sosial yang melibatkan faktor luaran dan dalaman. Manakala bagi proses kedatangan masyarakat India adalah melibatkan proses migrasi masyarakat India ke Sabah lebih tertumpu kepada aturan pihak BNBC dan inisiatif masyarakat India itu sendiri. Bagi mereka yang bergerak sendiri adalah melalui dana tersendiri kebanyakan mereka datang untuk berniaga atau bekerja sendiri dan tidak terlibat dengan bidang pekerjaan awam seperti yang dilakukan oleh masyarakat India yang lain. Sebagai contoh terdapat sebuah kedai yang dibuka oleh masyarakat India di Sabah lebih tepat lagi dalam kawasan Jesselton (kini dikenali sebagai Kota Kinabalu) dengan dinamakan sebagai Indian Store (BNBH, 1931).

Terdapat juga keterangan lain menjelaskan penglibatan pihak lain dalam menjayakan proses pergerakan masyarakat India ke Sabah. Antara contoh yang boleh diketahui ialah penglibatan sebuah syarikat bernama Messrs Guthrie and Sons dan Messrs Manfield, Bogaart and Company dan syarikat ini terletak di wilayah Calcutta India sebagai pusat pengurusannya serta mendapatkan dana daripada pihak Inggeris untuk menyediakan tambang perjalanan mereka menuju Borneo Utara (Barvin Banu, 2015). Dapat disimpulkan secara ringkas bahawa proses migrasi masyarakat India ke Sabah adalah melalui pengurusan BNBC di Sabah serta inisiatif masyarakat India itu sendiri, ia berbeza dengan migrasi masyarakat India ke Tanah Melayu yang mempunyai ejen dalam menggerakkan dan membantu migrasi masyarakat India ke Tanah Melayu abad ke 19 sebagai orang tengah dan proses migrasi tersebut dikenali sebagai sistem kangani (Mohd Isa Othman, 2000). Manakala di Sabah tidak ada ejen atau sistem yang digunapakai dalam membantu menggerakkan migrasi masyarakat India ke Sabah seperti di Tanah Melayu. Migrasi masyarakat India ke Sabah terbahagi kepada dua iaitu sebelum tahun 1963 di era pentadbiran BNBC dan selepas tahun 1963 semasa Sabah mencapai kemerdekaan, dan kedua fasa ini mempunyai perbezaan dalam faktor migrasi. Pada sebelum tahun 1963 masyarakat India tertakluk kepada tiga faktor iaitu dari sudut faktor politik, ekonomi dan sosial manakala pada tahun selepas 1963 faktor politik dan ekonomi

lebih memainkan peranan tanpa diiringi dengan faktor sosial. Melalui dengan faktor politik ia bukanlah menjurus kepada perkaitan parti politik melainkan hanya merujuk kepada soal dan cara pentadbiran kerajaan pada ketika itu di zaman BNBC dan pentadbiran kerajaan negeri Sabah serta negara pada tahun 1966 yang membentuk pelaksanaan ekonomi dengan mengambil rakyat untuk bekerja di sektor perladangan dan antara masyarakat terlibat ialah masyarakat India yang berada di Semenanjung yang sudah menjadi warganegara.




Foto 1: Pergerakan migrasi masyarakat India ke Sabah

Sumber: Barvin Banu, 2015.

Faktor Migrasi

Faktor Politik (faktor dalaman)

Faktor politik antara salah satu sebab berlakunya migrasi masyarakat disetiap lapisan zaman atau pun masyarakat daripada pelbagai negara. Sehubungan dengan itu, masyarakat India yang datang bermigrasi ke Sabah juga tidak terlepas dalam dipengaruhi dengan faktor politik bagi melakukan migrasi ke Sabah pada abad ke 19 dan pertengahan abad ke 20. Sedikit berbeza dengan persepsi umum berkenaan faktor politik, bagi masyarakat India yang bermigrasi ke Sabah faktor politiknya adalah lebih ke arah urusan pentadbiran BNBC dan ini secara langsung menjelaskan faktor politik berkenaan urusan pentadbiran BNBC di Sabah adalah faktor penarikan terhadap berlakunya migrasi masyarakat India ke Sabah. Semasa membentuk pentadbiran di Sabah bermula pada akhir abad ke 19 antara perkara pertama dilakukan ialah membentuk

*Pergerakan Migrasi Orang India Ke Sabah 1882-1969: Pertambahan
Populasi dan Pembentukan Identiti Orang India di Sabah*

dasar pentadbirannya dan keselamatan semasa mentadbir Sabah (Azharudin Mohd Dali, 2012).

Perkara ini telah menjadi satu kemestian bagi pihak BNBC melaksanakan beberapa hal bagi menjayakan dasar pentadbiran mereka di Sabah dan membawa kemasukkan Immigran India ke Sabah adalah satu langkah bagi pihak BNBC melihat bahawa pelaksanaan tersebut adalah langkah yang betul. Kerana W.H Treacher melihat bahawa aspek keselamatan adalah penting dan diberikan perhatian serius semasa menjalankan aktiviti pentadbiran di Sabah bagi mengelakkan hal-hal yang tidak diingini berlaku seperti adanya gangguan daripada pihak-pihak yang tidak senang dengan kehadiran pihak BNBC di Sabah (Ibid, Azharudin Mohd Dali). Sehubungan dengan itu maka pihak BNBC telah melantik seseorang daripada pegawainya untuk berlepas berlayar ke India bagi tujuan mencari orang-orang India untuk dibawa masuk ke Sabah untuk dijadikan sebagai pekerja yang berkhidmat dibawah urusan pentadbiran pihak BNBC, dan individu yang bertanggungjawab dalam hal tersebut ialah A.M Haringgton (Azharudin Mohd Dali, 2012; D.S Ranjit Singh, 2000; Sarjit S. Gill, 2007).

Pada tahun 1882 bulan November A.M Haringgton telah bergerak menuju ke India bagi melaksanakan misi mencari masyarakat India yang ingin bekerja dan berkhidmat dengan pihak BNBC di Sabah. Dalam menjalankan misi tersebut tujuan utamanya ialah untuk mencari masyarakat India untuk bekerja di sektor awam dan lebih tertumpu kepada bidang pekerjaan keselamatan awam di Sabah iaitu merujuk kepada pasukan Polis Konstabulari. Dalam menelusuri pelaksanaan tersebut A.M Haringgton dan pihak BNBC telah berjaya dalam melaksanakan misi mereka untuk membawa masuk masyarakat India ke Sabah untuk bekerja sebagai pasukan Polis Konstabulari dan kebanyakan daripada mereka terdiri daripada kalangan masyarakat India berada di Utara dari orang Singh/Sikh serta orang Pathan yang berasal daripada wilayah Punjab di India. Sebelum A.M Haringgton menuju ke India bagi merekrut masyarakat India dijadikan pasukan Polis Konstabulari di Sabah telah dimasukkan seramai 50 orang dari perak masyarakat India dari kalangan komuniti Sikh dibawa oleh Hugh Low bertujuan sebagai anggota pasukan keselamatan (Azharudin Mohd Dali, 2012). Pasukan keselamatan ini telah dibentuk dan diberikan latihan di Kudat dengan dibawah seliaan A.M Harington sendiri yang kemudiannya digantikan oleh De Fontaine pada tahun 1883 setelah A.M Haringgton meletak jawatan (Adams W.C, 1957).

Dalam pasukan Polis Konstabulari tidak semuanya di anggotai oleh masyarakat India namun ada juga dalam kalangan masyarakat tempatan dan dinamakan sebagai Polis Tempatan dan pada tahun 1898 anggota pasukan Polis yang diwakili masyarakat India telah menajdi seramai 209 orang (Ibid, Azharudin Mohd Dali.,89). Dengan kehadiran masyarakat India di Sabah yang bertugas sebagai anggota Pasukan Polis konstabulari telah memberikan kelebihan kepada pihak pentadbir BNBC pada ketika itu dalam urusan soal urus tadbir Sabah iaitu melicinkan pentadbiran. Apabila pihak BNBC sering kali mendapat cabaran dan tentangan daripada masyarakat tempatan Sabah selain keengganan orang-orang tempatan Sabah untuk menyertai atau terlibat dengan urus pentadbiran pihak BNBC yang dianggap sebagai penjajah (Azharudin Mohd Dali, 2012; Sarjit S. Gill, 2007; Adams W.C, 1957).

Berdasarkan kepada sumber menyatakan bahawa kedatangan masyarakat India ke Sabah sebagai petugas Polis Konstabulari adalah berkait rapat dengan dasar pihak Inggeris di India setelah menakluki sebahagian daripada wilayah Punjab di India. Maka berlaku pemecahan dalam kalangan orang Sikh di Punjab sama ada mengikut kuasa pentadbiran Inggeris atau sebaliknya. Kerana pada ketika itu ada sebahagian daripada orang Sikh masih mahu menentang pihak Inggeris dan dikatakan sukar untuk pihak Inggeris menjatuhkan kerajaan Punjab disebabkan adanya latihan yang diberikan oleh pihak Perancis semasa pemerintahan Maharaja Singh, yang melihat Inggeris pada ketika itu adalah musuh ketat kepada Perancis maka ini diambil kesempatan oleh pihak pentadbiran Punjab dalam berhadapan dengan pihak Inggeris agar tidak jatuh kerajaannya. Atas sebab kemahiran berperang yang ada dalam masyarakat India terutamanya Sikh setelah dapat latihan daripada pihak perancis pada awalnya dan kemudian dilatih pihak Inggeris menjadikan masyarakat India melalui kaum Sikh sesuai diambil untuk bertugas sebagai Pasukan Polis Konstabulari. Melalui konteks kenyataan ini boleh difahami bahawa kehadiran masyarakat India di Sabah pada peringkat awal adalah melalui dengan penubuhan pasukan Polis Konstabulari yang berkait rapat pelaksanaan dasar pentadbiran BNBC di Sabah seperti yang dinyatakan oleh W.H Treacher. Iaitu melihat bahawa aspek keselamatan adalah penting untuk dilaksanakan supaya urusan pentadbiran dapat dijalankan dengan aman dan pemodenan pasukan adalah diutamakan kerana menjadi sebahagian dalam urus tadbir. Maka faktor politik melalui urus tadbir pihak BNBC adalah antara penyebab kepada berlakunya migrasi masyarakat India ke Sabah pada abad ke 19 (Sarjit S. Gill, 2007; Azharudin Mohd Dali, 2012).

*Pergerakan Migrasi Orang India Ke Sabah 1882-1969: Pertambahan
Populasi dan Pembentukan Identiti Orang India di Sabah*

Berdasarkan kepada penjelasan yang diberikan bahawa boleh difahami kedatangan masyarakat India ke Sabah bukannya melalui agen seperti yang atau sistem seperti di Tanah Melayu namun hasil usaha dan inisiatif pihak BNBC sendiri. Dalam pergerakan migrasi masyarakat India ke Sabah selepas tahun 1963 ia didorong dengan dasar pentadbiran dan pelaksanaan kerajaan Pusat dan negeri Sabah, iaitu dengan mewujudkan satu pelaksanaan ekonomi yang dikenali sebagai Migration Fund Board yang ditubuhkan pada tahun 1966 dan berlangsung hingga tahun 1969. Pelaksanaan dasar ini ditubuhkan bagi mengembangkan ekonomi di Sabah dengan melabur dalam sektor perladangan dan ini mewujudkan peluang pekerjaan. Bagi menjayakan dasar pelaksanaan ini maka pihak kerajaan telah membuka tawaran pekerjaan dan masyarakat India yang berada di Semenanjung antara masyarakat yang menyahut seruan kerajaan tersebut. Ini secara jelas memberikan sebab kepada migrasi masyarakat India ke Sabah pada tahun 1966 hingga 1969 melalui dasar pentadbiran kerajaan yang dibuat pada tahun tersebut. Ini juga secara jelasnya menerangkan bahawa faktor politik antara penyebab kepada berlakunya migrasi masyarakat India ke Sabah selepas tahun 1963.

Faktor Ekonomi

Selain daripada faktor politik, faktor ekonomi juga dilihat antara sebab untuk berlakunya migrasi masyarakat India ke Sabah. Faktor ini tidak melihat kepada berlakunya di Sabah namun juga merujuk kepada migrasi masyarakat India ke semenanjung Tanah Melayu pada abad ke 19. Keadaan ini boleh dilihat dengan situasi kehidupan di Tanah besar India dan juga situasi yang terdapat dalam negeri Sabah itu sendiri. Walaupun kedatangan masyarakat ke Sabah seratus tahun yang lepas tidak terlalu ramai jika dibandingkan dengan migrasi masyarakat India ke Semenanjung Tanah Melayu namun faktor ekonomi juga adalah antara faktor yang dilihat penyebab kepada pergerakan migrasi masyarakat India ke Sabah pada zaman pentadbiran BNBC. Dalam faktor ekonomi ini dilihat dalam dua konteks, pertama tolakkan dari dalam iaitu keadaan di wilayah India itu sendiri dan kedua ialah penarikan iaitu melibatkan peluang pekerjaan yang terdapat dalam sebuah wilayah luar seperti keadaan dan peluang terdapat di Sabah semasa zaman era BNBC. Tanah Besar India dalam abad ke 19 semasa berada dalam penguasaan barat terutamanya pihak Inggeris dibawah pentadbiran Syarikat HIndia Timur Inggeris telah mengalami fasa kebuluran.

Kawasan Utara India adalah wilayah pertama yang mendapat masalah kebuluran pada abad ke 19 iaitu bermula pada tahun 1858. Tahun 1866 kawasan wilayah Orissa di India mengalami keadaan kebuluran tersebut, diikuti dengan tahun 1874 di Bengal yang kemudiannya berlaku di wilayah Madras pada tahun 1877 hingga 1880. Pihak Inggeris di India telah berusaha dalam menangani isu dan masalah kebuluran dengan menubuhkan Famine Relief Administration dan usaha ini berjaya dilakukan di beberapa wilayah seperti Bengal dan Madras namun usaha ini kurang berhasil di wilayah Orissa (Nature, 1914). Isu dan masalah tersebut telah memberi kesan kepada ekonomi di India kerana pihak Inggeris kurang memberikan penekanan dalam menangani isu tersebut kerana campur tangan pihak kerajaan harus di elakkan (www.science.smith.edu, diakses 2024). Namun tidak dinafikan juga walaupun pihak Inggeris di India kurang mengambil tindakan terhadap situasi kebuluran yang berlaku tetapi pihak Inggeris dalam tetap memberikan bantuan melalui Famine Relief Administration. Iaitu dalam usaha tersebut adanya pengurusan dikenali sebagai Famine Code yang bertindak dalam berhadapan dengan situasi tersebut, antara usaha yang dilakukan ialah memberi dana sebanyak 50 juta Rupee India setiap tahun dalam menangani situasi kebuluran akibat kemarau melanda negara India (R.C Majumdar, 1967).

Dalam menghadapi situasi kebuluran kesan daripada kemarau yang melanda kebanyakan masyarakat India di Tanah Besar India mengalami kekurangan sumber pendapatan dan kerja juga disebabkan kepada beberapa polisi kerajaan Inggeris. Antaranya ialah penguasaan perdagangan dan sektor pembinaan perkapalan di India oleh pihak Inggeris, tahun 1814 pihak parlimen Inggeris di England dan persetujuan dengan kerajaan Inggeris di India telah memperkenalkan akta yang dikenali sebagai 54 George III, C. 134 ataupun dipanggil sebagai AKTA 25 Julai 1814. Dalam perundangan yang dibentuk oleh pihak Inggeris menyatakan untuk para pemain industri orang Inggeris untuk diberikan keutamaan dalam perdagangan khususnya aktiviti perkapalan. Masyarakat India yang terlibat dalam aktiviti perkapalan dan perdagangan maritim telah dikurang penglibatannya oleh pihak Inggeris seperti mengurangkan orang-orang India menjadi kapten sebuah kapal dan menjadi pelayar selain pengurangan dalam kerja pembinaan kapal di India. Kebanyakan daripada kepakaran dan teknik pembinaan kapal lebih menjurus kepada memasukkan cara Inggeris dan barat mengakibatkan penurunan aktiviti pembinaan kapal dari kalangan kepakaran orang India dan tahun 1840 dinyatakan bahawa sudah tidak

*Pergerakan Migrasi Orang India Ke Sabah 1882-1969: Pertambahan
Populasi dan Pembentukan Identiti Orang India di Sabah*

ada kapal yang dibina oleh masyarakat India itu sendiri (Kernial Singh Sandhu, 1969).

Bukan itu sahaja, sistem pertanian juga antara aktiviti ekonomi masyarakat India yang terjejas semasa era pentadbiran pihak Inggeris, iaitu dengan memperkenalkan sistem pemilikan tanah. Dengan keputusan yang dilakukan oleh pihak Inggeris mengakibatkan ramai daripada petani orang India kehilangan tanah disamping menghadapi saingan orang barat didalam perdagangan berteraskan kepada pertanian di India. Semasa mentadbir India pihak Inggeris telah memperkenalkan sistem pendidikan berkonsepkan kepada cara institusi barat dan bersifat moden. Namun dalam memberikan pendidikan ia tidak sejajar dengan peluang pekerjaan untuk setiap individu yang habis pengajian mereka dan kebanyakan daripadanya menganggur (Mohd Isa Othman, 2002). Kesemua graduan ini berhasrat untuk dapat bekerja dalam sektor awam di India namun tidak mendapat peluang kerana pekerjaan dalam bidang tersebut adalah terhad, manakala setiap graduan kurang berminat dalam pekerjaan sektor swasta disamping pada ketika itu India lebih tertumpu kepada pertanian dan ini tidak selaras dengan pendidikan setiap graduan (Kernial Singh Sandhu, 1969). Situasi yang dihadapi oleh masyarakat India di tempat kelahiran telah membuatkan mereka mengambil keputusan untuk keluar berhijrah ke tempat lain untuk mencari peluang pekerjaan dan memperbaiki nasib hidup (Ibid, Mohd Isa Othman, 179). Sehubungan dengan itu adanya penawaran daripada luar iaitu peluang pekerjaan terdapat di Sabah menjadi satu sebab kepada faktor migrasi masyarakat India ke Sabah melalui dasar pihak BNBC di Sabah dengan keinginan mereka untuk membawa masuk masyarakat India untuk bekerja dengan mereka.

Perkara ini jelas terlihat apabila pihak BNBC mengutamakan keselamatan dalam wilayah pentadbiran mereka di Sabah dengan membentuk pasukan keselamatan Polis Konstabulari yang secara jelas memberikan dan membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat India di Sabah dan bertugas dalam pasukan yang dibentuk bermula pada tahun 1882. Selain daripada pekerjaan bidang keselamatan masyarakat India juga ada yang diambil bagi bekerja sebagai penjawat awam bagi bertugas dengan urusan tadbir dengan pihak BNBC. Sebagai contoh boleh dilihat melalui jadual disediakan di bawah;

Jadual 1: Jumlah masyarakat India dalam Perkhidmatan Awam BNBC 1922-1936

Jabatan	Jumlah
Polis dan Penjara	100
Juru ukur	76
Percetakan	53
kesihatan	27
keretapi	24
Pos dan Telegraf	21
Audit	8
Perhutanan	7
Pertanian	6
Kehakiman	4
Kewangan	3
Pelabuhan	1

Sumber: Barvin Banu (2015)

Dengan jadual yang diberikan bahawa sudah menunjukkan secara jelas dasar pihak BNBC membuka peluang pekerjaan di Sabah semasa mentadbir serta keinginan pihak BNBC sendiri bagi mengambil masyarakat India untuk bekerja dengan mereka melalui sektor awam menjadi sebab kepada migrasi masyarakat India ke Sabah serta menunjukka faktor ekonomi dari sudut tarikan dalaman antara sebab berlakunya migrasi tersebut. Selain itu perkembangan ekonomi yang terdapat di Sabah melalui dasar pentadbiran BNBC di Sabah juga menjadi faktor tarikan dalaman bagi sebab kedatangan masyarakat India ke Sabah. Sebagai contoh adanya pembinaan aktiviti perdagangan secara pertanian besar-besaran antaranya ialah pada tahun Masyarakat India tidak hanya tertakluk kepada bidang pekerjaan awam tetapi juga ada tergolong dalam pekerjaan buruh yang juga merupakan peluang pekerjaan terdapat di Sabah membuatkan berlakunya migrasi masyarakat India. Ini boleh diketahui dengan melihat tahun 1922-1936 terdapat masyarakat India terlibat dalam pekerjaan buruh iaitu seramai 47 orang (Barvin Banu, 2015). Dalam kenyataan lain melalui sorotan akhbar British North Borneo Herald tahun 1897 ada menyebut keterlibatan masyarakat India dalam pekerjaan Buruh sebanyak tiga orang dan bekerja menebang pokok (BNBH, 1897). Ia juga dituruti dengan kenyataan daripada Maureen De Silva yang menyatakan terdapat 25 orang India dari keturunan Tamil dari kalangan lelaki, perempuan dan kanak-kanak berada di Bukau Estate Procured bagi bekerja di Rubber Estate (Barvin Banu, 2015; BNBH, 1901).

*Pergerakan Migrasi Orang India Ke Sabah 1882-1969: Pertambahan
Populasi dan Pembentukan Identiti Orang India di Sabah*

Di fasa selepas tahun 1963, berlaku juga migrasi masyarakat India ke Sabah namun senarainya berubah iaitu pergeakan migrasi lebih tertumpu kepada masyarakat India yang berada di Semenanjung menuju ke Sabah. Ia juga didorong dengan faktor ekonomi iaitu wujudnya peluang pekerjaan yang ada di negeri Sabah pada tahun 1966 hingga tahun berikutnya sekitar tahun 1970 an. Peluang pekerjaan yang dimaksudkan ialah dibentuk pekerjaan dalam sektor pertanian dan perladangan di Sabah dan masyarakat India di Semenanjung antara masyarakat yang aktif dalam menerima tawaran pekerjaan yang ditawarkan. Senario ini memperlihatkan bahawa masyarakat India kurang mendapat peluang pekerjaan di Semenanjung sehingga bermigrasi ke Sabah untuk bekerja di bahagian ladang yang disediakan oleh pihak kerajaan Pusat dan negeri Sabah. Kali ini pergerakan migrasi dalam situasi ini lebih banyak melibatkan masyarakat India dari kaum Tamil berada di Semenanjung (Mohd Noor Abdullah, 1979). Dengan keadaan yang dijelaskan cukup memberikan bukti penjelasan bahawa faktor ekonomi adalah antara faktor yang mampu menggerakkan masyarakat India untuk bermigrasi ke Sabah dan pergerakan migrasi pada fasa selepas tahun 1963 adalah lebih kepada faktor dalam dan luar iaitu kurang pekerjaan dikawasan yang diduduki serta peluang pekerjaan yang ada di tempat lain.

Faktor Sosial

Disamping faktor Politik pentadbiran dan ekonomi dari sudut faktor sosial juga antara dilihat menjadi sebab berlakunya proses migrasi masyarakat India ke Sabah. Seperti faktor ekonomi dan politik dari sudut faktor sosial juga dilihat melalui tarikan luar dan tarikan dalam yang merujuk kepada negeri Sabah. Di India terdapat isu sosial melibatkan antara masyarakatnya iaitu wujudnya lapisan kasta yang menghimpit kehidupan bermasyarakat di India. Antaranya ialah wujudnya perhambaan dalam sektor pertanian yang melibatkan sebahagian daripada masyarakat India terikat dengan hutang terhadap Landlord di India. Mereka yang berhutang akan dikerahkan untuk bekerja di ladang atau dimana sahaja yang diarahkan oleh pemberi hutang atau Landlord bagi membayar semula jumlah hutang, ini secara jelas terlihat sebagai konsep hamba hutang. Kebanyakan daripada masyarakat India yang terlibat sebagai hamba hutang ini ialah golongan Adi-Dravidas ataupun dikenali sebagai Untouchables. Kehidupan mereka yang berhutang akan terus terikat dengan Landlord tersebut dalam

tempoh yang agak lama selain itu ada setengah kes terikat seumur hidup, lebih teruk lagi ialah dalam sistem pembayaran hutang tersebut melibatkan keturunan dan ahli keluarga yang lain (Kernal Singh Sandhu, 1969). Ini memberikan tekanan hidup kepada masyarakat India yang berada dalam situasi berhutang dengan Landlord tersebut dan cara untuk keluar daripada masalah hidup tersebut adalah dengan melakukan migrasi bagi mendapatkan pekerjaan lain dan peluang tersebut banyak diluar kawasan India, (Ibid) Sabah menjadi salah satu pilihan destinasi apabila wujudnya peluang pekerjaan daripada pihak BNBC di Sabah dan membuat permohonan bagi mendapatkan tenaga buruh India (Barvin Banu, 2015; BNBH, 1897).

Bagi keadaan di Sabah punca tarikan dalaman yang berlaku sehingga menyebabkan berlakunya migrasi masyarakat ialah disebabkan wujudnya istilah Chain migration. Dalam istilah ini dinyatakan bahawa masyarakat India yang sudah berada di Sabah telah berusaha membawa ahli keluarga lain serta kenalan untuk datang dengan memberitahu peluang pekerjaan yang wujud di Sabah, manakala bagi kalangan keluarga pula adalah disebabkan keinginan seorang berbangsa India membawa ahli keluarga terdiri daripada isteri dan anak yang datang kemudian. dalam kedatangan masyarakat India ke Sabah sebagai individu bujang telah mengambil inisiatif untuk membawa ahli keluarga dan kenalan mereka ke Sabah bagi sama-sama menjalani kehidupan di wilayah baru apabila berjaya mengumpul duit bagi membiayai perbelanjaan. Sebagai contoh yang pernah berlaku dengan keluarga mendiang Gurbaksh Singh Kler apabila dibawah masuk ke Sabah oleh kenalannya yang juga orang India sudah berada di Sabah pada ketika itu, yang kemudiannya mendiang Datuk Gurbaksh Singh Kler membawa masuk keluarganya ke Sabah yang pada akhirnya kesemua mereka kini telah menjadi warganegara Malaysia khususnya sebagai rakyat negeri Sabah (Barvin Banu, 2015). Dalam keterangan lain terdapat penjelasan bahawa ada sebahagian daripada masyarakat India berada di Sabah dalam badan persatuan menghubungi kenalan-kenalan mereka untuk datang bekerja di Sabah sekiranya terdapat peluang pekerjaan. Dengan contoh jelas diberikan dapat difahami melalui konteks sosial berkenaan istilah chain migration adalah antara penyebab adanya migrasi masyarakat India ke Sabah. Dan contoh-contoh diberikan cukup menjelaskan apa yang dipanggil sebagai chain migration.

Populasi Masyarakat India di Sabah

Dikala menjelaskan soal migrasi masyarakat India ke Sabah perlu juga dijelaskan melalui migrasi tersebut wujudnya kesan kepada populasi di Sabah dari era BNBC hingga selepas Sabah merdeka tahun 1963 dan ke atas. Antara yang boleh dijelaskan dalam kajian ialah soal pertambahan bilangan penduduk dan jumlah kadar populasi masyarakat India di Sabah. Dengan kedatangan dan pengekalannya masyarakat India di Sabah memberikan variasi kepada soal kependudukan kaum yang terdapat dalam negeri Sabah itu sendiri. Kini masyarakat India yang berada di Sabah sudah diserap dan menjadi sebahagian daripada rakyat kepada Sabah serta menjadi warganegara Malaysia sejak dari tahun 1963. Terbentuknya populasi masyarakat India di Sabah adalah disebabkan sebahagian daripada masyarakat India yang berada di Sabah mengambil keputusan untuk terus kekal di Sabah.

Antara sebab bagi masyarakat India kekal untuk berada di Sabah dan tidak ingin kembali ke India adalah wujudnya perkahwinan dengan masyarakat tempatan seperti lelaki Sikh berkahwin dengan perempuan penduduk tempatan. Perkara yang kedua ialah masyarakat India yang berada di Sabah sudah cukup selesa untuk meneruskan kehidupan di Sabah dan berniat untuk tidak kembali ke tanah asal. Masyarakat India yang berada di Sabah berfikir bahawa sekiranya kembali ke tempat asal tidak mengetahui bagaimana nasib hidup di tanah asal, selain tidak mengetahui apa yang perlukan dilakukan dan memikirkan nasib pekerjaan mereka kerana belum tentu sekembalinya mereka ke India semula akan terus memiliki pekerjaan. Sedangkan semasa berada di Sabah mereka sudah mempunyai pekerjaan yang baik iaitu bekerja dengan pihak BNBC seterusnya British di Sabah malahan ada yang mempunyai perniagaan sendiri. Boleh dikatakan masyarakat India di Sabah tidak dipersetujui untuk kembali ke India oleh ahli keluarga yang berada di Tanah asal kerana memerlukan wang gaji atau pendapatan yang dimiliki orang India di Sabah untuk dihantar kepada mereka ini secara jelas menerangkan bahawa masyarakat India di India sendiri memerlukan ahli keluarga mereka di Sabah untuk terus kekal dan memberikan sumbangan kewangan kepada mereka.

Tahun 1901 memperlihatkan populasi masyarakat India adalah seramai 442 orang iaitu seramai 418 adalah dewasa yang terdiri 401 orang adalah lelaki, manakala 41 adalah wanita dan tidak ketinggalan ialah kanak-kanak yang berjumlah 24 orang. Manakala pada tahun 1911 memperlihatkan peningkatan populasi masyarakat India pada zaman

BNBC menjadi 902 orang. Sepuluh tahun berikutnya pada tahun 1921 sekali lagi memperlihatkan pertambahan populasi masyarakat India di Sabah iaitu dari 902 menjadi 1185 ini menunjukkan sebanyak 283 orang bertambah dan jika dikira berdasarkan peratusan sebanyak 31.37 peratus meningkat.

Di tahun 1931 dalam kiraan bancian penduduk masyarakat India dilihat sekali lagi meningkat dengan populasinya berjumlah 1298 orang dengan kadar peningkatan peratusan sebanyak enam peratus dari tahun 1921 iaitu pertambahan seramai 113 orang. 20 tahun selepas itu iaitu pada tahun 1951 dalam kiraan penduduk masyarakat India di Sabah menunjukkan sedikit penurunan dengan hanya berjumlah seramai 1206 orang ini menunjukkan perkurangan sebanyak 92 orang (North Borneo Census Report, 1921, 1931 dan 1951). Dengan kadar turun naik melalui hasil bancian yang dilakukan pada tahun sebelum kemerdekaan Sabah memperlihatkan adanya kewujudan masyarakat India di Sabah melalui migrasi yang dilakukan. Dalam kadar bancian yang dilakukan sepanjang tahun-tahun diberikan contoh masyarakat India terbahagi kepada beberapa kumpulan kaum seperti Sikhs, Pathan Tamils dan masyarakat India yang dikategori lain (State of North Borneo Census Report, 1921). Berikut adalah jadual senarai bancian lebih terperinci berkenaan populasi masyarakat India di Sabah sebelum era kemerdekaan;

Jadual 2: Populasi Tahun 1921

Kaum	Orang
Native Borneo	197 058
Chinese	37 642
Native of Netherlands Indies	11 223
Malays	1837
Natives of India and Ceylon	1185
Philippines	449
Japanese	441
Europeans	415
Other	247
Eurasians	210
Sulus	6637
Jumlah	257 344

Sumber: *State of North Borneo Census Report (1921)*

*Pergerakan Migrasi Orang India Ke Sabah 1882-1969: Pertambahan
Populasi dan Pembentukan Identiti Orang India di Sabah*

Dalam perincian tahun 1921 terdapat pecahan kaum melalui jumlah masyarakat India yang dikira ia merujuk kepada Pathans seramai 467 orang untuk keseluruhan dan jumlah lelaki dewasa ialah 306 orang dan perempuan 25 orang manakala bagi kanak-kanak kaum pathans berjumlah 71 orang kanak lelaki dan 65 orang kanak perempuan. Untuk kaum sikhs terdapat 248 orang secara keseluruhan 163 ialah lelaki dewasa dan 34 orang perempuan dewasa, untuk kanak-kanak pula 32 orang adalah lelaki dan 19 lagi adalah kanak-kanak perempuan. Bagi kaum tamil 141 orang adalah lelaki dewasa dan 26 orang adalah perempuan dewasa, manakala bagi kanak-kanak seramai 23 orang adalah lelaki dan 17 lagi ialah perempuan menjadikan jumlah keseluruhan mereka ialah 207 orang. Bagi kategori Indian not specified bagi orang dewasa ialah 154 adalah lelaki dan 47 orang perempuan, dan untuk kategori kanak-kanak 26 orang adalah kanak-kanak lelaki dan 36 orang adalah perempuan (State of North Borneo Census Report, 1921).

Jadual 3: Populasi Tahun 1931

Kaum	Orang
Native of Borneo	205 218
Chinese	47 799
Native of Netherlands East Indies	9854
Philippine Islanders	2849
Malays	1640
Native of India and Ceylon	1298
Japanese	450
Europeans	340
Others	285
Eurasians	236

Sumber: *Report on the Census of the State of North Borneo Taken on
the Night of 26 April 1931 (1931)*

Dalam rekod bancian sekali lagi diletakkan ada lima kaum masyarakat India yang berada di Sabah seperti Ceylonese yang berjumlah 94 orang iaitu orang dewasa seramai 54 orang dengan lelaki berjumlah 40 orang manakala perempuan seramai 14 orang dan kanak-kanak pula seramai 40 orang dengan kanak-kanak lelaki seramai 17 orang dan bagi kanak-kanak perempuan berjumlah 23 orang. Untuk kaum Pathans terdapat 629 orang iaitu bagi lelaki dewasanya seramai 290 orang dan diikuti perempuan dewasa 68 orang, bagi kanak-kanaknya 114 orang adalah lelaki dan perempuan seramai 27.

Kaum Sikhs pula berjumlah 179 orang terdiri daripada 125 orang lelaki dewasa dan 26 lagi adalah perempuan dewasa. Bagi kategori kanak-kanak pula kaum sikhs seramai 13 orang adalah kanak-kanak lelaki dan untuk kanak-kanak perempuan seramai 15 orang. Kaum Tamil pula berjumlah 242 orang dan lelaki dewasa seramai 124 orang serta perempuan pula berjumlah 36 orang, manakala kanak-kanak lelaki Tamil berjumlah 38 orang diikuti 44 orang adalah kanak-kanak perempuan. Bagi kategori unspecified berjumlah 154 orang yang terdiri daripada 79 lelaki dewasa dan 14 perempuan dewasa, manakala kanak-kanak pula seramai 28 adalah kanak-kanak lelaki dan 33 orang lagi adalah perempuan (Report on The Census of state of North Borneo, 1931).

Jadual 4; Populasi Sabah Tahun 1951

Kaum	Orang
European	1213
Dusun	117 867
Murut	18 724
Bajau	44 728
Other Indigenous	61 690
Chinese	74 374
Indian	1206
jumlah	334 141

Sumber: *Report on the Census of Population (1951)*

Pada tahun 1960 an masyarakat India yang dimasukkan sekali dalam pekiraan populasi bersama Pakistan melalui bancian dilakukan berada dalam jumlah 3000 orang. Dalam kiraan demikian sukar untuk mengetahui berapakah jumlah sebenar masyarakat India yang berada di Sabah untuk menetap selain tidak boleh diketahui berapa jumlah pertambahan masyarakat India di Sabah setelah mencapai kemerdekaan, perkara ini boleh diketahui melalui jadual populasi yang diberikan dibawah:

Jadual 5: Populasi Malaysia tahun 1960

Kaum	Persekutuan Tanah Melayu	Singapura	Sarawak	Sabah	Jumlah
Melayu	3461	238	132	26	3857
Cina	2552	1279	229	105	4165

*Pergerakan Migrasi Orang India Ke Sabah 1882-1969: Pertambahan
Populasi dan Pembentukan Identiti Orang India di Sabah*

India dan Pakistan	773	142	2	3	920
Bumiputera			378	306	684
Lain-lain	123	41	3	14	181
Jumlah	6909	1700	744	454	9807

* Jadual adalah dalam kiraan ribu.

Sumber: Mohd Noor Abdullah Bin Abdullah (1979)

Pada tahun 1970 barulah dapat diketahui dengan lebih lanjut jumlah sebenar masyarakat India di Sabah apabila dikira secara berasingan dengan orang Pakistan, ini jelas terlihat dengan jadual populasi dibawah;

Jadual 6: Populasi Masyarakat Sabah 1970

Kaum	Jumlah	Lelaki	Perempuan
Kadazan	184 512	92 209	92 303
Murut	31 299	15 788	15 511
Bajau	77 271	38 574	38 697
Malay	18 365	11 210	7155
Other Indigenous	125 631	63 670	61 961
Chinese	139 509	72 884	66 625
Indians	7103	3982	3121

Sumber: Annual Buletin of Statistic, Sabah (1981)

Jadual 7: Populasi Rakyat Sabah 1980

Strata	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Bandar	1460	924	2384
Luar bandar	1779	1130	2909
jumlah	3239	2054	5293

Sumber: Jabatan Perangkaan (1980)

Pengenalan dan Pengidentitian Masyarakat India di Sabah

Dengan berlakunya migrasi masyarakat India ke Sabah yang bermula sejak akhir abad ke 19 atau lebih tepat lagi tahun 1882 sehinggalah selepas tahun 1963 telah memberikan kesan kepada populasi di negeri Sabah bahkan berlakunya pertambahan kumpulan kaum walaupun bilangan masyarakat India adalah minoriti tetapi tetap memberikan sumbangan kepada jumlah penduduk Sabah bertambah. Masyarakat

India selepas tahun 1963 hingga kini telah menjadi sebahagian daripada rakyat negeri Sabah dan Malaysia. Keberadaan masyarakat India di Sabah mereka lebih dikenali sebagai Penjawat awam dan sebagai Polis Konstabulari semasa era pentadbiran BNBC serta British di Sabah sebelum tahun 1963. Pengenalan dan Identiti masyarakat India sebagai penjawat awam dan Polis Konstabulari di Sabah sebelum tahun 1963 adalah disebabkan pengambilan mereka sebagai dua tugas tersebut oleh pihak BNBC dari sejak awal memasukkan masyarakat India ke Sabah, sebabnya mereka diambil untuk bekerja dengan urusan pentadbiran awam pihak BNBC (Azharudin Mohd Dali, 2012; D.S Ranjit Singh, 2000; D.S Ranjit Singh, 1993; Sarjit S. Gill, 2007).

Namun bagi jawatan sebagai Polis Konstabulari pengenalan dan identiti ini lebih tertakluk kepada masyarakat India dari Kaum sikh/Singh di Sabah manakala bagi kaum India yang lain lebih tertakluk kepada pentadbir atau penjawat awam seperti orang Tamil (Barvin Banu, 2015; Sarjit S Gill, 2007). Pihak BNBC dan masyarakat di Sabah juga mengenali masyarakat India kaum Sikh adalah sebagai orang Singh kerana dalam catatan census 1901 dan British North Borneo Herald sentiasa menyebut perkataan Singh sebagai merujuk kepada masyarakat India kaum Sikh (BNBH, 1901; 1897), manakala di Semenanjung selain panggilan Singh atau Sikh mereka juga dikenali sebagai Benggali walhal kenyataannya adalah bukan, tetapi perkataan ini wujud kerana orang Sikh/Singh ini telah datang berlayar bermula daripada wilayah Bengal di India yang merupakan antara wilayah utama pihak Syarikat HIndia Timur Inggeris (Azharudin Mohd Dali, 2012).

Bagi masyarakat India orang Tamil suatu masa dahulu mereka ini dikenali sebagai Keling yang merujuk kepada catatan pihak BNBC di Sabah (BNBH, 1897; 1921). Selain itu, selepas tahun 1963 terdapat satu lagi panggilan bagi masyarakat India dari kalangan Sikh/Singh yang disebut sebagai Sikh Totok gelaran ini wujud apabila lahirnya generasi kedua dan seterusnya dalam kalangan Sikh/Singh yang telah berkahwin campur dengan kaum wanita dari kalangan masyarakat Pribumi Sabah dan walaupun demikian mereka tetap dipanggil sebagai orang Sikh/Singh serta sebagai masyarakat India di Sabah (Sarjit S. Gill, 2001). Bahkan masyarakat India di Sabah melalui badan persatuan Sabah Indian Association merujuk kepada kenyataan setiausaha persatuan sesiapa yang lahir dari kalangan masyarakat India walau kahwin campur dengan wanita dari kaum lain di Sabah mereka akan tetap dikenali dan diiktiraf sebagai masyarakat India selagi masih mengamalkan cara budaya hidup sebagai masyarakat India.

Berbeza dengan senario sebelum tahun 1963 iaitu masyarakat India lebih sinonim dengan gelaran penjawat awam dan pasukan Polis Konstabulari, tetapi pada selepas tahun 1963 masyarakat India lebih dikenali sebagai ahli sukan. Kerana penglibatan yang aktif oleh masyarakat India dalam aktiviti sukan di Sabah (Rambler, 1966; Sabah Amateur Athletic Association, Sabah Annual Athletic Championships (Annual book year), 1968; 1971). Penglibatan mereka dalam sukan terutamanya sukan Olahraga membuatkan masyarakat India sentiasa menjadi wakil untuk bertanding di peringkat antarabangsa seperti Sukan SEAP tahun 1965, sukan Olimpik tahun 1964 yang di sertai oleh Dilbagh Singh Kler (Sabah Times, The Story of Sikh in Sabah, 1966; Athletes All-All in The Family, Arkib Negeri Sabah). mengikuti jejak ialah Ramjit Nairu yang mewakili Malaysia bertanding lompat tinggi di acara sukan SEA 1983 di Thailand dan Kuala Lumpur 1985, sukan Asia 1982 di India (Sport domestic publication, 1988; 1987). Sehubungan dengan keaktifan masyarakat India dalam sukan juga memberikan mereka mendapat pengiktirafan daripada kerajaan negeri Sabah seperti mendiang Datuk Gurbaksh Singh Kler sebagai Bapa Sukan Sabah disebabkan pencapaiannya dalam sukan serta sumbangan yang diberikan oleh beliau bagi membangunkan sukan di negeri Sabah melalui jawatan yang pernah dipegangnya sepanjang berkhidmat dengan pembangunan sukan negeri (SIA 75TH Anniversary Celebration). Dengan keaktifan masyarakat India dalam sukan di negeri Sabah ini secara jelas memberikan pengenalan dan satu identiti bahawa masyarakat ini sinonim dengan sukan.

Kesimpulan

Kesimpulannya masyarakat India telah menjadi salah satu daripada kelompok masyarakat atau kaum yang terdapat di negeri Sabah setelah melakukan migrasi daripada Tanah Besar India bermula pada tahun 1882. Kedatangan mereka ke Sabah atas beberapa sebab atau faktor, yang pertama adalah disebabkan cara pentadbiran BNBC yang menggalakkan kemasukkan masyarakat India ke Sabah bagi dijadikan sebagai pekerja awam untuk pihak BNBC semasa mentadbir Sabah. Kedua ialah disebabkan peluang pekerjaan dan ekonomi masyarakat India yang mengetahui akan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak BNBC telah mengambil peluang tersebut kerana dikatakan bahawa ketika itu kurangnya peluang pekerjaan yang terdapat di Tanah Besar India. Berikut merupakan antara sebab dan faktor kepada

berlakunya migrasi masyarakat India ke Sabah dan terlihat pentadbiran pihak BNBC terlihat lebih menjadi sebab yang kuat bagi berlakunya migrasi tersebut kerana peluang pekerjaan adalah hasil daripada pengurusan pihak BNBC sendiri dalam mewujudkannya.

Masyarakat India yang berada di Sabah pada ketika itu lebih banyak bekerja sebagai penjawat awam berbanding dengan pekerjaan lain terutama pekerjaan melibatkan pasukan keselamatan seperti Polis Konstabulari, dan kebanyakan daripadanya adalah dari kalangan orang Sikh/Singh. Antara masyarakat India yang berada di Sabah pada era BNBC ialah dari kalangan orang Singh, Tamil dan Pathan namun majoritinya ialah dari kalangan orang Singh, ini disebabkan pihak BNBC lebih gemar mengambil orang Singh untuk bertugas sebagai pasukan polis di Sabah. ada sebahagian daripada masyarakat India yang pernah bekerja di Sabah mengambil keputusan untuk kembali ke tempat asal setelah tamat tempoh bekerja dan sebahagian lagi mengambil keputusan untuk terus kekal berada di Sabah sehingga mencapai kemerdekaan, dan kalangan inilah yang menjadi salah satu masyarakat India yang menjadi rakyat Sabah dan warganegara Malaysia sehingga kini.

Tidak terhenti di situ sahaja pergerakan migrasi masyarakat India ke Sabah tetap berlaku selepas tahun 1963 dan kali ini lebih tertumpu kepada masyarakat India yang berada di Semenanjung (sesama warganegara), sebab berlakunya migrasi ke Sabah adalah tuntutan dan peluang pekerjaan yang ada di Sabah hasil cara pentadbiran kerajaan Pusat dan Negeri Sabah iaitu tertubuhnya migration fund board tahun 1966. Kedatangan tersebut sedikit memperbanyakkan masyarakat India yang menetap di negeri Sabah. walaupun demikian setelah berlakunya migrasi masyarakat India ke Sabah sejak era pentadbiran BNBC dan selepas tahun 1963, masyarakat ini tetap berada dalam kelompok minoriti kerana masyarakat India yang datang ke Sabah tidak begitu banyak bahkan ada dari kalangan mereka kembali ke tempat asal. Tetapi walau dalam kelompok minoriti masyarakat India mampu memberikan sumbangan dan menyerlah dalam negeri Sabah, antaranya ialah menjadi pekerja awam dan ahli sukan yang ini menjadikan salah satu pengenalan dan idenitit mereka di Sabah.

Semasa era BNBC masyarakat India lebih sinonim dengan pengenalan dan identiti mereka sebagai pasukan keselamatan di Sabah disebabkan kebanyakan daripada mereka bertugas dalam pekerjaan

*Pergerakan Migrasi Orang India Ke Sabah 1882-1969: Pertambahan
Populasi dan Pembentukan Identiti Orang India di Sabah*

tersebut. Manakala selepas Sabah mencapai kemerdekaan dan tahun 1963 ke atas masyarakat India lebih mudah dikenali sebagai ahli sukan kerana masyarakat India begitu menyerlah dalam aktiviti bersukan. Bahkan ada dari kalangan masyarakat ini menjadi atlit Sabah yang bertanding sehingga keperingkat antarabangsa seperti sukan olimpik 1964 oleh Dilbagh Singh Kler, malahan ada seorang dari kalangan masyarakat India diiktiraf sebagai Bapa Sukan negeri Sabah atas sumbangan dan pencapaian yang dilakukan ia dikenali sebagai Datuk Gurbakh Singh Kler. Masyarakat India juga mempunyai pengenalan dari sudut panggilan kaum antaranya orang Sikh/Singh, Tamil (Keling sewaktu ketika dahulu dan masih ada dalam kalangan masyarakat Sabah menggunakan frasa tersebut), dan tambahan pula terdapat panggilan yang disebut sebagai Sikh Totok yang merupakan orang sikh lahir hasil daripada kahwin Campur orang Sikh dengan orang tempatan Sabah. Berikut adalah kenyataan penulisan yang menjelaskan dan mencerminkan masyarakat India di Sabah.

Rujukan

Rekod Arkib

- A Report of the Census of the State of North Borneo.* (1921). Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah (ANS).
- A Report of the Census of the State of North Borneo.* (1931). Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah (ANS).
- A Report on the Census of Population North Borneo.* (1951). Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah (ANS).
- British North Borneo Herald.* (16 Feb 1897). KSP.10/M/44. Athletes All-All In The Family. Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah (ANS).
- British North Borneo Herald.* (1901). Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah (ANS).
- British North Borneo Herald.* (1921). Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah (ANS).
- Domestic Publication Sabah Sport Council.* (1987). Fail Sukan simpanan Arkib Negeri Sabah. Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah (ANS).
- Domestic Publication Sabah Sport Council.* (1988). Fail Sukan simpanan Arkib Negeri Sabah. Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah (ANS).
- Fail Jabatan Perangkaan.* (1980). Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah (ANS).
- Sabah Amateur Athletic Association. (1968). *Sabah Annual Athletic Championships (Annual book year).* Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah (ANS).

Sabah Amateur Athletic Association. (1971). *Sabah Annual Athletic Championships (Annual book year)*. Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah (ANS).

SIA 75TH Anniversary Celebration. Rekod Simpanan Sabah Indian Association. Kota Kinabalu: Persatuan India Sabah.

Buku dan Jurnal

Adams W.C. (1957). Our India Police (1881-1941). *North Borneo Police Magazine*, 1(2). 25-26 Julai.

Azharuddin Mohd Dali. (2012). *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Kernal Singh Sandhu. (1969). *Indians In Malaya Immigration and Settlement 1786-1957*. England: Cambrigde University Press.

Mohd Isa Othman. (2002). *Sejarah Malaysia 1800-1963*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Mohd Noor Abdullah Bin Abdullah. (1979). *Kemasukkan Sabah dan Sarawak ke Dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

R.C Majumdar. (1967). *An Advanced History of India*. New York: Macmillan ST. Martin Press.

Sarjit S. Gill. (2007). Sejarah Penglibatan Orang Sikh Dalam Pasukan Constabulari Bersenjata Borneo Utara, 1882-1949 dan Kesan Terhadap Identiti. *JEBAT*, 34: 49-70.

Sarjit S. Gill. (2001). Perkahwinan Campur Peranakan Punjabi di Sabah. Laporan Penyelidikan. *Sari*, 19: 189-203.

Laman Sesawang

Nature. (1914). Dalam Famine Relief Administration daripada <https://www.science.smith.edu/climatelit/famines-in-western-India-1760-1860/> diakses pada 24 Disember 2024.

Akhbar

Sabah Times. (1966). The Story of Sikh in Sabah.

Tesis

Barvin Banu. (2015). Perbezaan Migrasi Orang India ke Borneo Utara dan Tanah Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaysia Sabah.